

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, MALAYSIA, JUN 2025

**Pertumbuhan konsisten dalam Perdagangan borong & runcit sebanyak
4.8 peratus dengan jualan RM153.0 bilion pada Jun 2025**

PUTRAJAYA, 8 OGOS 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini mengeluarkan laporan **PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, JUN 2025**. Perdagangan borong & runcit mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM153.0 bilion pada Jun, merekodkan pertumbuhan 4.8 peratus tahun ke tahun.

Dalam satu kenyataan rasmi, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan bahawa peningkatan dalam jualan sektor Perdagangan borong & runcit pada Jun 2025 didorong terutamanya oleh subsektor Perdagangan runcit dan Perdagangan borong. Subsektor Perdagangan runcit mencatatkan jumlah jualan RM67.5 bilion, meningkat 5.4 peratus tahun ke tahun, manakala subsektor Perdagangan borong mencatatkan RM68.3 bilion, meningkat sebanyak 5.2 peratus. Perkembangan berterusan dalam subsektor ini mencerminkan aktiviti penggunaan domestik yang kukuh, disokong oleh perayaan seperti sambutan Aidiladha dan cuti sekolah pertengahan tahun. Sementara itu,

subsektor Kenderaan bermotor mencatatkan jualan sebanyak RM17.1 bilion dengan kenaikan marginal tahun ke tahun sebanyak RM0.1 bilion atau 0.7 peratus.

Seiring dengan pertumbuhan sektor perdagangan, transaksi pembayaran digital di Malaysia mencatatkan peningkatan tahunan yang kukuh pada Jun 2025. Transaksi wang elektronik (*E-money*) melonjak sebanyak 71.3 peratus tahun ke tahun kepada RM21.7 bilion, mencerminkan penggunaan meluas pembayaran mikro tanpa tunai. Transaksi melalui *Real-time Retail Payments Platform* (RPP) berjumlah RM277.2 bilion, menunjukkan kecenderungan yang semakin meningkat terhadap pemindahan dana secara pantas dan mudah. Sementara itu, transaksi melalui *Financial Process Exchange* (FPX) berkembang sebanyak 11.4 peratus kepada RM31.2 bilion, didorong oleh peningkatan aktiviti perbankan dalam talian. Transaksi kad kredit kekal stabil pada RM18.1 bilion, manakala transaksi kad debit merekodkan pertumbuhan sebanyak 3.9 peratus kepada RM13.2 bilion. Perkembangan ini mencerminkan penggunaan yang semakin tinggi terhadap pembayaran digital dalam urusan harian, didorong oleh keperluan pengguna terhadap kepantasan dan kemudahan ekonomi digital yang kian meluas.

Menurut Ketua Perangkawan, Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan merekodkan peningkatan sebanyak 5.7 peratus tahun ke tahun kepada RM26.2 bilion. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh peningkatan jualan di pasar raya, pasar mini dan kedai serbaneka. Jualan runcit di kedai pengkhususan turut menunjukkan prestasi positif dengan pertumbuhan sebanyak 5.9 peratus kepada RM14.3 bilion. Prestasi ini disumbangkan oleh peningkatan jualan runcit kosmetik, pakaian, barang kemas dan barangan optik. Jualan runcit bahan api kenderaan meningkat 6.0 peratus tahun ke tahun kepada RM6.2 bilion. Sementara itu, Jualan runcit peralatan isi rumah dan makanan, minuman & tembakau meningkat masing-masing sebanyak 3.8 peratus dan 6.5 peratus.

Mengulas lanjut mengenai prestasi subsektor Perdagangan borong, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan bahawa Jualan borong makanan, minuman & tembakau merekodkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 6.7 peratus untuk mencapai RM13.9 bilion. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh peningkatan dalam jualan borong daging, ayam, telur, beras, bijirin, tepung, gula dan produk bakeri. Jualan borong barangan isi rumah turut mencatatkan pertumbuhan yang kukuh dengan peningkatan sebanyak 5.3 peratus kepada RM14.4 bilion. Peningkatan ini dipacu oleh jualan yang tinggi dalam barangan elektrik & elektronik serta pakaian, perabot dan peralatan lampu. Di samping itu, Jualan borong bahan mentah pertanian dan haiwan hidup menyumbang kepada prestasi keseluruhan subsektor ini dengan mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 12.2 peratus kepada RM6.6 bilion disumbangkan terutamanya oleh peningkatan dalam jualan minyak kelapa sawit, kayu balak dan kayu-kayan. Sementara itu, Lain-lain pengkhususan jualan borong mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 2.8 peratus berjumlah RM24.8 bilion.

Dalam tempoh yang sama, subsektor Kenderaan bermotor mencatatkan peningkatan tahun ke tahun dalam beberapa kumpulan. Jualan komponen & aksesori kenderaan bermotor meningkat 3.0 peratus kepada RM5.2 bilion, diikuti oleh pertumbuhan 4.8 peratus dalam Penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor yang mencapai RM2.8 bilion. Jualan, penyelenggaraan dan pembaikan motosikal turut mencatatkan peningkatan sebanyak 7.1 peratus berjumlah RM1.2 bilion. Walau bagaimanapun, Jualan kenderaan bermotor menunjukkan penurunan bulan ke bulan, daripada RM9.9 bilion pada Mei kepada RM8.0 bilion pada Jun 2025. Trend ini selari dengan data pendaftaran motokar yang dilaporkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), yang mencatatkan sebanyak 58,115 unit pada bulan Jun berbanding 73,569 unit pada bulan sebelumnya.

Indeks jualan runcit dalam talian pada bulan Jun terus mencatatkan pertumbuhan dengan peningkatan 5.1 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Bagi perbandingan bulan ke bulan dan selepas pelarasan musim, indeks ini meningkat sebanyak 1.4 peratus, menunjukkan peningkatan aktiviti pengguna melalui platform digital.

Dari segi indeks volum, Perdagangan borong & runcit merekodkan peningkatan 4.4 peratus tahun ke tahun. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh subsektor Perdagangan borong yang meningkat 6.1 peratus, diikuti oleh Perdagangan runcit dengan kenaikan sebanyak 4.1 peratus. Walau bagaimanapun, subsektor Kenderaan bermotor mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak -0.6 peratus pada bulan ini. Dari segi pelarasan musim, indeks volum meningkat dengan 0.5 peratus bulan ke bulan berbanding Mei 2025.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu,


Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit




Carta 2: Nilai Jualan Perdagangan Borong




Carta 3: Nilai Jualán Perdagangan Runcit



Carta 4: Nilai Jualan Kenderaan Bermotor



Carta 5: Indeks Jualan Runcit Dalam Talian



**Jadual 1: Platform Pembayaran di Malaysia
(Januari 2024 – Jun 2025)**

Tahun	Bulan	Instrumen Pembayaran				Sistem Pembayaran			
		Kad Kredit	Kad Debit	<i>E-money</i>	<i>Interbank GIRO</i>	FPX	<i>Direct Debit</i>	JomPAY	RPP
2024	Jan.	18.8	12.4	11.6	139.1	31.0	6.2	5.0	229.6
	Feb.	17.3	12.5	11.5	120.9	27.6	5.8	4.8	207.5
	Mac	17.8	13.4	11.8	128.5	32.1	6.3	4.7	229.2
	Apr.	16.8	12.7	11.7	129.4	28.3	6.7	4.7	229.4
	Mei	17.7	13.0	12.6	135.4	32.3	6.3	4.8	240.6
	Jun	17.1	12.7	12.7	118.9	28.0	5.6	4.6	230.4
	Jul.	17.7	12.6	13.4	138.5	33.5	6.8	5.2	256.1
	Ogos	17.8	12.7	14.2	133.9	34.3	6.0	5.2	254.7
	Sep.	17.9	12.6	14.7	126.8	31.7	5.9	4.7	244.2
	Okt.	18.5	13.2	15.8	132.6	31.9	6.4	4.9	262.6
	Nov.	18.2	12.6	16.2	130.3	34.5	6.2	4.7	261.0
	Dis.	20.5	14.7	17.9	143.5	35.0	6.8	4.9	294.1
2025	Jan.	20.1	14.9	19.5	142.0	38.6	6.4	5.0	290.7
	Feb.	16.8	12.7	17.3	118.1	32.9	6.0	4.9	250.3
	Mac	19.1	15.6	20.3	140.3	40.4	6.4	4.9	297.7
	Apr.	17.7	13.3	19.7	130.0	35.5	7.3	4.7	277.8
	Mei	18.7	14.1	21.5	130.0	39.2	6.9	4.9	289.4
	Jun	18.1	13.2	21.7	125.0	31.2	6.8	4.8	277.2
Tahun ke Tahun (%)									
2025	Jan.	6.8	19.9	68.2	2.1	24.6	3.5	-1.0	26.6
	Feb.	-2.6	1.8	50.7	-2.3	19.3	3.8	2.8	20.6
	Mac	7.0	16.2	71.2	9.2	25.9	1.4	3.5	29.9
	Apr.	5.5	4.5	68.7	0.5	25.4	9.1	0.8	21.1
	Mei	5.4	8.0	70.2	-3.9	21.1	9.0	0.6	20.3
	Jun	5.7	3.9	71.3	5.2	11.4	20.2	3.8	20.3

Sumber: Bank Negara Malaysia (BNM)

**Jadual 2: Agregat Kewangan M1 di Malaysia
(Januari 2024 – Jun 2025)**

Tahun	Bulan	M1 (RM bilion)	Tahun ke Tahun (%)
2024	Jan.	639.2	6.4
	Feb.	639.9	6.9
	Mac	645.3	8.0
	Apr.	638.5	7.1
	Mei	635.4	6.8
	Jun	642.1	6.4
	Jul.	636.8	7.2
	Ogos	637.5	6.0
	Sep.	644.9	6.0
	Okt.	645.2	4.5
	Nov.	655.0	4.9
	Dis.	666.5	4.4
2025	Jan.	663.3	3.8
	Feb.	661.9	3.4
	Mac	667.5	3.4
	Apr.	662.9	3.8
	Mei	663.1	4.4
	Jun	681.6	6.1

Sumber: Bank Negara Malaysia (BNM)

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
8 OGOS 2025